



Dekan-Dekan Fakulti Gugusan Sains Sosial

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-Undang

Dekan-Dekan Fakulti Gugusan Sains dan Teknologi

- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan

**Dekan-Dekan Fakulti Gugusan Perubatan,
Sains Bersekutu dan HUKM**

- Fakulti Perubatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu
- Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah Pusat/Institut

- Pusat Kembangan Pendidikan
 - Pusat Pengajian Umum (PPU)
 - Pusat Pengajian Siswazah (PPS)
 - Pusat Pembangunan Akademik (PPA)
 - Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (PPPI)
 - Pusat Komputer
 - Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa (PUSPA)
 - Institut Alam dan Tamaddun Melayu (ATMA)
 - Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
 - Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
 - Institut Kajian Oksidental (IKON)
 - Institut Sains Angkasa (ANGKASA)
 - Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
 - Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (UMBI)
 - Institut Biologi Sistem (INBOISIS)
 - Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
 - Institut Genomik Malaysia
 - Institut Teknologi Sel Bahan Api
- Universiti Kebangsaan Malaysia.

YBhg Prof. Dato' / Tuan / Puan,

IKLAN KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR MADYA DS54/DU54/DUG54 DAN PROF. MADYA (KLINIKAL) DU54 TAHUN 2007

Dengan hormatnya bersama-sama ini disertakan satu salinan iklan kenaikan pangkat ke jawatan Prof. Madya / Prof. Madya (Klinikal) untuk perhatian dan tindakan YBhg. Prof. Dato' tuan / puan. Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato' / tuan / puan dapat menyampaikan iklan ini kepada semua tenaga pengajar yang layak, **termasuk yang sedang bercuti belajar, bercuti sabatikal atau yang dipinjamkan ke institusi lain.**

2. Seperti Y.Bhg Prof. Dato' / tuan / puan sedia maklum, Mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian yang telah diadakan pada 23 Oktober 2000 telah bersetuju supaya pihak Fakulti/Pusat/Institut menguruskan sendiri kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya untuk Fakulti/ /Pusat/Institut masing-masing. Sesuai dengan keputusan mesyuarat tersebut, pihak Fakulti/Pusat/Institut adalah diminta menguruskan semua urusan mengenai proses kenaikan pangkat bagi jawatan tersebut termasuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakaran Fakulti untuk menimbangkan permohonan calon-calon dan memperakukan untuk dipanggil temuduga bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya/ Prof. Madya Klinikal menghantar surat kepada tiga (3) orang Pengadil Peribadi yang dinamakan oleh calon seperti dalam borang permohonan dan tiga (3) orang Penilai Luar untuk mendapatkan penilaian terhadap calon-calon yang diperakukan. Fakulti/Pusat/Institut juga perlu mendapatkan jawapan sekurang- kurangnya dua (2) jawapan dari Pengadil Peribadi dan Penilai Luar yang dilantik oleh Fakulti. Untuk makluman Y.Bhg Prof. Dato'/tuan/puan, Penilai Luar yang dilantik hendaklah dipilih daripada mereka yang berjawatan Profesor atau setaraf dengannya **di dalam bidang pengkhususan tujuan calon-calon yang berkenaan** dan hendaklah dari Universiti yang terkemuka samada dari dalam negara atau luar negara. Di samping itu juga Penilai Luar yang dipilih **hendaklah bukan** daripada mereka yang pernah menjadi penyelia program Doktor Falsafah atau Sarjana calon-calon yang memohon.

3. Sukacita juga dimaklumkan bahawa setelah maklumat-maklumat seperti pada perkara 2 diperolehi, Fakulti/Pusat/Institut dikehendaki mengemukakan maklumat calon-calon yang lengkap kepada pihak pentadbiran untuk urusan temuduga yang meliputi:

- a. Laporan Jawatankuasa Kesepakaran Fakulti/Pusat/Institut yang ditandatangani oleh semua Ahli Jawatankuasa;
- b. Borang permohonan yang telah dinilai oleh Ketua Jabatan dan Dekan/Pengarah; (*Sila rujuk catatan pada borang Laporan Nilaian Prestasi untuk Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik berhubung dengan taraf penilai*)
- c. Latar diri (curriculum vitae);
- d. Laporan Pengadil peribadi sekurang-kurangnya dua (2) orang;
- e. Laporan Penilai Luar sekurang-kurangnya dua (2) orang.

Setelah maklumat-maklumat seperti **perkara 3** lengkap diperolehi, pihak pentadbiran akan mengaturkan temuduga kenaikan pangkat secepat yang mungkin. Prosedur kerja untuk kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya/Prof. Madya Klinikal ini adalah seperti pada **Lampiran A, B dan C.**

4. Untuk tujuan penyelaras, semua borang permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Dekan Fakulti/Institut/Pusat masing-masing. Pejabat Dekan adalah dikehendaki mengumpulkan borang-borang permohonan ini dan memastikan semua borang-borang dilengkapkan dengan maklumat-maklumat seperti yang dinyatakan dalam perkara 6.2 iklan tersebut. Fakulti/Institut/Pusat juga dikehendaki menyenarai pendekkan permohonan yang layak dipanggil temuduga dengan menyertakan bersama Laporan Kesepakaran mengikut merit dengan menggunakan julat dan kriteria kenaikan pangkat ke kursi Prof. Madya/Prof. Madya Klinikal seperti yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian pada **23 Oktober 2000** iaitu seperti pada **Lampiran II** dan **Lampiran II(A)** dan melengkapkan **Lampiran D** (Senarai Penerbitan/Penyelidikan/Penyeliaan Siswazah Calon Profesor Madya) dan **Lampiran E** (Penilaian Prestasi Keseluruhan [Mengikut Merit] Calon Profesor Madya/Prof. Madya Klinikal).

5. Untuk makluman Y.Bhg Prof. Dato' / tuan / puan tiada tarikh tutup iklan ini dan ianya diproses untuk sepanjang tahun. Iklan hanya akan dikeluarkan setiap awal tahun untuk peringatan.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar

AB. AZIZ OTHMAN
Pendaftar

- s.k. - Y.Bhg Prof. Dato' Naib Canselor, UKM.
- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni), UKM.
- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM.
- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa), UKM.
- Bendahari, UKM.

BERLAMPIR:

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan akademik Universiti ini untuk dinaikkan pangkat ke jawatan berikut:

1. Jawatan : **Profesor Madya dan Prof. Madya (Klinikal)**
(Gred DS54/DU54/DUG54)
2. Tangga Gaji (SSM)
Gred DS54 : P1T1RM4210.46 - P1T10RM5910.51
 : P2T1RM4592.82 - P2T10RM6476.79
Gred DU54 : P1T1RM4300.00 - P1T10RM6000.05
 : P2T1RM4682.36 - P2T10RM6566.33
Gred DUG54 : P1T1RM4231.50 - P1T10RM5931.55
 : P2T1RM4613.86 - P2T10RM6497.83
3. Kelayakan dan: 3.1 Pensyarah Universiti Gred DS45/DS51/DS52, Pensyarah Perubatan Gred DU45/DU51/DU52 atau Pensyarah Pergigian Gred DUG45/DUG51/DUG52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred DS54/DU54/DUG54 apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Majlis Universiti; dan;
 - (c) lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) iaitu PTK 5;
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

ATAU

4. Kenaikan Pangkat Dalam Keadaan Istimewa :
 - 4.1 Dalam keadaan istimewa Pensyarah yang telah disahkan dalam perkhidmatan membuktikan kecemerlangan akademik yang istimewa dan terkemuka mutunya, telah mencapai taraf akademik yang tinggi yang diiktiraf, memenuhi kriteria-kriteria kecemerlangan di tahap yang ditetapkan oleh Persidangan Naib-Naib Canselor, serta diperakukan oleh Ketua Jabatan adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya walaupun perkhidmatannya belum mencukupi tempoh yang disyaratkan di 3.2(b) di atas.
 - 4.2 Berkaitan dengan tempoh kenaikan dalam keadaan istimewa ini Majlis dalam mesyuaratnya pada 21 Januari, 1989 telah memutuskan, Pensyarah yang telah disahkan dalam jawatan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan serta;
 - (a) telah berkhidmat tidak kurang daripada 3 tahun pada tarikh iklan bagi mereka yang berkelulusan Ijazah Lanjutan dalam bidang Klinikal atau yang setaraf, atau
 - (b) telah berkhidmat tidak kurang dari 5 tahun pada tarikh iklan bagi mereka yang berkelulusan Doktor Falsafah (Ph.D)

5. Kriteria Kenaikan :
Pangkat Selain daripada syarat-syarat kelayakan seperti yang dinyatakan di atas, penilaian calon-calon untuk dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya akan juga diasaskan kepada kriteria-kriteria seperti yang ditetapkan oleh Persidangan Naib-Naib Canselor seperti berikut:
- (a) pengajaran/penyeliaan;
 - (b) penyelidikan;
 - (c) penerbitan/perundingan;
 - (d) khidmat kepada Universiti/ masyarakat;
 - (e) laporan Ketua (penekanan kepada ciri-ciri peribadi);
 - (f) kertas kerja;
 - (g) kehadiran dalam persidangan;
 - (h) pentadbiran akademik dan bukan akademik;
 - (i) laporan penilai luar;
 - (j) laporan perujuk peribadi (academic referee);
 - (k) kecekapan Bahasa Malaysia/ Bahasa Inggeris;
 - (l) kelulusan akademik;
 - (m) prestasi semasa temuduga

6. **Cara Memohon:**

- 6.1 Pemohon-pemohon dikehendaki mengisi borang permohonan bagi jawatan Profesor Madya/Prof. Madya (Klinikal). Borang tersebut boleh didapati daripada Fakulti/Pusat/Institut dan Laman Web UKM. Semua permohonan hendaklah dikembalikan ke Pejabat Dekan, Fakulti masing-masing untuk tujuan penilaian.
- 6.2 Untuk membolehkan pihak Kedekanan/Fakulti mendapatkan laporan daripada penilai-penilai luar, calon-calon adalah diminta mengemukakan bersama-sama dengan borang-borang permohonan mereka:
- (a) latar diri (curriculum vitae) dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (dalam **4 salinan**);
Panduan format latar diri/biodata/curriculum vitae adalah seperti yang dilampirkan;
 - (b) sinopsis dalam Bahasa Inggeris bagi tiap-tiap penerbitan yang berbahasa Melayu/Arab/Bahasa lain (dalam **4 salinan**);
 - (c) **5 - 7 salinan penerbitan yang terbaik** dari jumlah penerbitan yang dikemukakan untuk dihantar kepada penilai luar (dalam **4 salinan**).

Catatan:

Untuk permohonan ke jawatan Profesor Madya/Profesor Madya (Klinikal), senarai penyeliaan, penerbitan, penyelidikan, perundingan, seminar, persidangan dan sebagainya yang diperlu dicatatkan ialah dari tarikh tuan/puan di sahkan di dalam Perkhidmatan

7. **Penerbitan**

Semua penerbitan asal atau salinan yang telah disahkan hendaklah dikemukakan semasa temuduga.

8. **Senarai Refree**

Calon-calon diminta menamakan **3 orang referee dari luar Universiti ini**, dan perlu dicatatkan dalam borang permohonan calon.

**PROSEDUR KERJA KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN PROF. MADYA DS54/DUG54 DAN PROF. MADYA (KLINIKAL) DU54**

BIL.	PROSEDUR KERJA
	<p>1. Iklan disampaikan kepada Dekan Fakulti / Bahagian / Pusat / Institut.</p> <p>2. Dekan Fakulti / Bahagian / Pusat / Institut menyampaikan iklan kepada semua kakitangan akademik Fakulti/Pusat/Institut.</p> <p>3. Calon mendapatkan borang permohonan daripada Bahagian Pentadbiran / Fakulti dan mengemukakan permohonan yang telah lengkap kepada Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti / Pusat / Institut untuk penilaian dan penilaian semula.</p> <p>4. Fakulti / Pusat / Institut mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakaran untuk menimbaangkan permohonan calon-calon dan memperakukan untuk dipanggil temuduga bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya. Sekiranya Fakulti / Bahagian / Pusat / Institut melantik Ahli Jawatankuasa Kesepakaran dari luar Universiti, mereka yang dilantik layak dibayar saguhati sebanyak RM200.00. Fakulti / Bahagian / Pusat / Institut diminta menulis surat kepada Bendahari untuk tujuan pembayaran.</p> <p>5. Fakulti memaklumkan keputusan Jawatankuasa Kesepakaran kepada calon-calon yang tidak diperakukan.</p> <p>6. Pihak Fakulti / Bahagian / Pusat / Institut menghantar surat perlantikan kepada 3 orang Pengadil Peribadi yang dinamakan oleh calon seperti dalam borang permohonan dan 3 orang Penilai Luar untuk mendapatkan penilaian mereka ke atas calon-calon yang diperakukan dan meminta mereka mengembalikan laporan dalam tempoh satu bulan dari tarikh surat (contoh-contoh borang – lihat Lampiran). Fakulti / Bahagian / Pusat / Institut perlu mendapatkan sekurang-kurangnya 3 jawapan daripada Pengadil Peribadi dan Penilai Luar yang telah dilantik untuk jawatan Profesor</p> <p>Fakulti meminta pihak Bendahari membuat bayaran kepada Penilai Luar sebanyak RM300.00 untuk setiap Penilai Luar.</p> <p>7. Setelah maklumat-maklumat tersebut diperolehi, Fakulti dikehendaki mengemukakan maklumat calon-calon yang lengkap kepada pihak Pentadbiran untuk urusan temuduga yang meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Laporan Jawatankuasa Fakulti/Pusat/Institut yang ditandatangan oleh semua Ahli Jawatankuasa; (b) Borang permohonan yang telah dinilai oleh Ketua Jabatan dan Dekan; (c) Latar diri (curriculum vitae); (d) Laporan Pengadil Peribadi sekurang-kurangnya 3 orang untuk jawatan Profesor. (e) Laporan Penilai Luar sekurang-kurangnya 3 orang untuk jawatan Profesor. <p>Setelah maklumat-maklumat seperti perkara 6 lengkap diperolehi, pihak pentadbiran akan mengaturkan temuduga kenaikan pangkat secepat yang mungkin.</p>

LAMPIRAN B**PEMBERAT DAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN PROF. MADYA DS54/DU54/DUG54**

BIL.	JULAT/KRITERIA	PEMBERAT
1.	Pengajaran dan Penyeliaan	15% - 30%
2.	Penerbitan dan Perundingan	15% - 25%
3.	Persidangan (Seminar, Bengkel & Kongres)	10% - 15%
4.	Penyelidikan / Rekacipta	15% - 20%
5.	Khidmat Masyarakat / Perundingan / Klinikal	10% - 15%
6.	Kepimpinan / Kepentadbiran (Malim / Dekan / Ketua Jabatan)	10% - 15%
7.	Sahsiah	5% - 10%

CATATAN :

- a. Sekiranya markah lebih **100**, Pemberat hendaklah dijadikan 100.
- b. Jawatankuasa Kesepakaran Fakulti dibenarkan untuk menggunakan kriteria tambahan, pemberat-pemberat tambahan untuk mengira markah untuk aktiviti akademik di Fakulti/Pusat/Institut masing-masing tertakluk kriteria dan pemberat tambahan tersebut bercanggah dengan jumlah markah dan kriteria asas yang ditetapkan oleh Universiti. (**Keputusan Mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian Bil. 5/2002 bertarikh 29 Mei 2002**).

LAMPIRAN C**PEMBERAT DAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN PROF. MADYA (KLINIKAL)**

JAWATAN	JULAT/KRITERIA	PEMBERAT
Prof. Madya (Klinikal)	a. Pengajaran dan Penyeliaan (termasuk pengajaran tepi katil)	25%
	b. Penerbitan dan Penulisan	10%
	c. Rawatan Pesakit	40%
	d. Perundingan	10%
	e. Penyertaan Seminar / Persidangan	5%
	f. Penyelidikan	5%
	g. Sahsiah	5%
	JUMLAH	100%

CATATAN :

- a. Sekiranya markah lebih **100**, Pemberat hendaklah dijadikan 100.
- b. Jawatankuasa Kesepakaran Fakulti dibenarkan untuk menggunakan kriteria tambahan, pemberat-pemberat tambahan untuk mengira markah untuk aktiviti akademik di Fakulti/Pusat/Institut masing-masing tertakluk kriteria dan pemberat tambahan tersebut bercanggah dengan jumlah markah dan kriteria asas yang ditetapkan oleh Universiti. (**Keputusan Mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian Bil. 5/2002 bertarikh 29 Mei 2002**).

PANDUAN MENULIS BIODATA/LATAR DIRI/CURRICULUM VITAE

Setiap biodata untuk keperluan pengesahan dalam perkhidmatan, kenaikan pangkat dan sebagainya hendaklah ditulis dengan format yang memudahkan penatapnya membuat penilaian dan menampakkan “kejujuran” penulisnya. Umpamanya, penulis harus memaparkan latarbelakang pendidikannya dengan jelas mengikut kronologi dan menyusun senarai penerbitannya mengikut kronologi dengan format yang piawai (nama pengarang semua penulisnya seperti yang muncul dalam jurnal/pascasidang buku berkenaan, jilidnya, bilangan muka suratnya dan penerbitnya). Penulis harus mengambil ingatan maksud “penerbitan” dan jenis-jenisnya mengikut takrif berikut:

Penerbitan bermakna karya yang muncul dalam jurnal, buletin, pascasidang, majalah, buku, media massa dan sebagainya; atau karya dalam bentuk buku yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf. Manuskrip yang belum muncul dalam bentuk-bentuk yang tersebut di atas seperti laporan teknik, kertas kerja persidangan, “diserahkan kepada”, “akan terbit”, “dalam proses penerbitan”, dan sebagainya, sebenarnya tidak harus disenaraikan di bawah “penerbitan”, tetapi untuk bekalan UKM karya-karya ini boleh disenaraikan di bawah “Mimeograf”.

Mutu jurnal diasaskan kepada faktor-faktor berikut:

1. Kelayakan, piawai dan ragam operasi penyunting.
2. Tatacara sorotan manuskrip yang diterima.
3. Adanya kertas-kertas terbaik oleh penyelidik-penyalidik terbaik.
4. Pandangan penyelidik-penyalidik utama.
5. Peratusan persetujuan-terima manuskrip (umpamanya **British Medical Journal** menolak kira-kira 80% manuskrip yang diterimanya).
6. Sitasi/rujukan/perbincangan komuniti/abstrak/indeks terhadap makalah-makalah yang terbit dalam jurnal tersebut.
7. Sebaran (langganan perpustakaan, jualan dsbnya).
8. Penyumbang makalah dari dalam dan luar negara.
9. Ketepatan masa pengeluaran.
10. Mutu penerbitan (bukan isi).

Pengelasan-pengelasan penerbitan yang harus dinilai sendiri oleh penulis dengan jujurnya patut dilakukan seperti berikut:

Jurnal Yang Diadili Antarabangsa (Jurnal Antarabangsa)

Jurnal yang para penyuntingnya/editornya terdiri daripada sarjana antarabangsa dan makalah-makalahnya diadili oleh sarjana-sarjana antarabangsa (dalam atau luar negara). Perlu diingatkan jurnal dalam Bahasa Inggeris tidak semestinya bertaraf antarabangsa: sebaliknya jurnal tempatan juga mungkin bertaraf antarabangsa.

Jurnal Yang Bertaraf Kebangsaan (Jurnal Tempatan Kebangsaan)

Jurnal yang diadili oleh sarjana-sarjana bukan sebuah institusi tempatan sahaja. Contohnya: jurnal yang peratusan makalah yang ditolak lebih daripada 20%.

Jurnal Tempatan (Bukan Bertaraf Kebangsaan Atau Antarabangsa)

Jurnal yang para editor/penyuntingnya terdiri daripada sarjana dari sebuah institusi sahaja dan para pengadil makalah biasanya oleh sarjana di institusi tersebut sahaja. Peratusan makalah yang ditolak kurang daripada 20%.

Pascasidang Antarabangsa

Pascasidang daripada persidangan bertaraf antarabangsa (iaitu persidangan yang para pembentangnya terdiri daripada sarjana-sarjana daripada beberapa negara asing di tempat persidangan itu diadakan (jika persidangan itu di Malaysia ini bermakna para pesertanya juga terdiri daripada sarjana selain daripada sarjana Malaysia dan Singapura).

Pascasidang Kebangsaan

Pascasidang daripada persidangan peringkat kebangsaan.

Pascasidang Dalaman

Pascasidang daripada persidangan/Bengkel/Kolokium dan sebagainya yang pesertanya daripada sebuah Jabatan/Fakulti/Institusi sahaja.

Makalah/Bab Dalam Buku Atau Antologi

Perlu nyatakan muka suratnya, nama buku, penerbitannya dan tahunnya.

Buku (Peringkat Pengajian Tinggi Sahaja)

Karya asli

Karya terjemahan (ringkasannya, terjemahan atau penterjemah)

Karya saduran/adaptasi (ringkasnya, saduran atau adaptasi)

Karya suntingan (ringkasnya, suntingan atau penyunting)

Setiap satunya diterbitkan oleh penerbit yang bertauliah. Setiap satunya perlu dinyatakan jumlah muka suratnya, penerbitan dan tahunnya.

Memeografi

Karya yang tidak/belum diterbitkan oleh mana-mana penerbit yang bertauliah, walaupun sudah dicetak dan dijilid dengan elok sekalipun. Karya ini boleh jadi berupa manuskrip makalah, manuskrip kertas kerja, monograf, kertas kadangkala, laporan teknik, manuskrip catatan kuliah, manuskrip buku, pracetak, stensilan dan sebagainya. Setiap satunya perlu dinyatakan jumlah muka suratnya dan untuk siapa/tujuan apa serta jenisnya.

Penerbitan Popular

Karya yang muncul dalam majalah-majalah umum, media massa dan sebagainya.

Aspek Yang Dinilai

Penilaian seseorang kakitangan akademik sekurangnya dinilai daripada 13 aspek berikut dan oleh biodata seseorang sepatutnya mengandungi item-item ini secara berasingan. (Kecuali item 8 – 12).

1. Latarbelakang pendidikan, kelulusan akademik/ikhtisas, penghormatan dsbnya.
2. Pengajaran dan penyeliaan (terutamanya penyeliaan paras pasca-siswazah) – nama kursus dan tahapnya/judul tesis dan tahapnya, tahun dan nama pelajar, kejayaan.
3. Penyelidikan (nyatakan tajuk, sumber kewangan dan nilainya, tempoh, peranannya, kejayaannya).
4. Penerbitan/perundingan/rekaan teknologi. Bagi perundingan nyatakan tajuk, kelayakan, tempoh, kejayaan.
5. Kertas kerja atau penulisan yang belum diterbitkan. Untuk apa, bilangan muka surat dan tahun penulisannya.
6. Kehadiran dalam persidangan dsbnya. Nama persidangan, tarikh, tempat, peranannya, penaja kehadirannya.

7. Pentadbiran akademik dan bukan akademik (termasuk peranan dalam persatuan, jawatankuasa dsbnya).
8. Khidmat universiti/masyarakat (termasuk mendapatkan alat/wang percuma yang menguntungkan Universiti).
9. Kecekapan dwi-bahasa (Bahasa Malaysia dan Inggeris) dan Bahasa Arab bagi Pengajian Islam.
10. Laporan Ketua Jabatan (penekanan kepada ciri-ciri peribadi).
11. Laporan penilai luar.
12. Laporan pengadil.
13. Prestasi temuduga.

CONTOH FORMAT LATAR DIRI/BIODATA/C.V.

Nama : _____

Tarikh lahir dan tempat lahir : _____

Jantina : _____

Kewarganegaraan : _____

Status Perkahwinan : _____

Alamat Surat Menyurat : _____

Telefon (Pejabat dan Rumah) : _____

Pekerjaan Sekarang : _____

Sejarah Pendidikan Formal : _____

Kelulusan Pendidikan : _____

Hadiah/Anugerah Yang Pernah Diterima:

Sejarah Kerjaya : _____

A. Pengarahan dan Pendidikan

- A.1. Senarai kursus yang pernah dan sedang diberi termasuk kursus pendek atau kursus dalam Bengkel dan sebagainya.

Nama Kursus	Tahun

A.2 Senarai Beban Pengajaran Mengikut Sesi

Sesi	Kod/Judul Kursus	Peringkat Kursus	Jumlah Jam/Minggu	Jumlah Jam/Semester	Bil. Pelajar
Kuliah					
Tutoran					
Amali					
Seminar					
Lain-lain					

A.3 Senarai Tesis/Disertasi/Latihan Ilmiah Yang Telah dan Sedang Diselia**A.3.1 Siswazah/Pascasiswazah**

Bil	Tajuk Tesis dan Peringkat Tesis	Nama Pelajar	Tahun	Status

A.3.2 Prasiswazah

Bil.	Tajuk Tesis	Nama Pelajar	Tahun	Status

A.4. Kegiatan Pendidikan Lain

Kegiatan pembimbingan pelajar, rekabentuk kurikulum, langkah-langkah unik/bitara dalam peningkatan pendidikan pelajar. Lain-lain _____

B. Penyelidikan/Perundingan/Pengembangan

Bil.	Tajuk	Tempat Penyelidikan/ perundingan/ pengembangan	Status Penyelidikan	Sumber Kewangan

- * Beri sinopsis hasil bagi (tidak lebih daripada 5 buah) projek penyelidikan/perundingan itu. Implikasi hasil penyelidikan/perundingan kepada ilmu/masyarakat/pasaran.
- * Bagi para doktor perubatan mungkin di sini juga boleh ditonjolkan kerja perundingan dengan pesakit.
- * Pengembangan di sini bermakna perkhidmatan dalam bentuk kursus di Bengkel-bengkel untuk masyarakat luar dalam universiti.

C. Penerbitan/Penulisan

C.1. Jurnal

- * Susun mengikut tertib tahun penerbitan.
- * Nama pengarang mengikut tertib pada karya yang diterbitkan, nama jurnal, judul, jilid, bilangan, muka surat.
- * Pisahkan jenis penerbitan/penulisan seperti berikut:
 1. Jurnal yang diadili oleh pengadil antarabangsa, contoh:

Muhamad Abdullah, 1990: A new formulation in optimal resources allocation, **Bulletin Malaysian Mathematical Society**, 17(2),31-40.
 Abdullah bin Abdul Mutualib, 1988: Psiloanalisis Mantera, **Jurnal Bumantara**, 1(1), 2-10.

C.2 Pascasidang/Prosiding

Sidang bermakna persidangan, seminar, kongres, kolokium/bengkel dan sebagainya.

- * Susun mengikut tertib tahun penerbitan.

* Pisahkan mengikut taraf

1. Persidangan antarabangsa
2. Persidangan Kebangsaan/sesebuah negara
3. Persidangan dalaman sahaja

Nyatakan nama pengarang seperti yang muncul dalam pascasidang, tahun penerbitan, judul makalah, penyunting, nama pascasidang, nama penerbit, tempat penerbit dan muka surat.

Contoh: Lee Yan Ti, 1975: Pembangunan mengikut perspektif Islam, dalam Ahmad bin Daud, Munir bin Said (Pty.). prosiding persidangan ekonomi pembangunan. Penerbit Angkasa. Kuala Lumpur 71-80.

C.3. Makalah dalam Antologi/Bab Dalam Buku

Formatnya sama dengan dalam pascasidang.

Contoh: Ghazali Sumanteri, 1982: A new paradigm in optimisation, dalam Ahmad Said dan The Su Kim (Pty). **Optimal Control Theory**, Bistari. Ipoh. Perak. 120-131.

C.4. Buku Karya Asli

* Nyatakan nama pengarang mengikut tertib penerbitan buku tersebut. tahun, judul, penerbit, tempat penerbit, dan jumlah muka surat.

* Susun mengikut tahun penerbitan.

Contohnya: Latifah binti Ahmad dan Kalthun binti Omar, 1985: **Prinsip dan Amalan Pentadbiran**, Alam Buana, Kuala Lumpur, 314 m.s.

C.5 Buku Terjemahan/Saduran/Adaptasi

Formatnya sama dengan C.4

Contohnya: Shafiee bin Muslim (terj.), 1989: **Sejarah Sains China**, DBP, K.L. 402. m.s.

C.6. Antologi/Suntingan/Susunan

Contohnya: Shafiee bin Muslim (Pty.), 1988: **Sosiologi ilmu Pengetahuan, Trisakti**, Bandung, 512 m.s.

C.7. Kertas Kadangkala atau Monograf Fakulti

C.8. Abstrak dalam Jurnal atau Pascasidang

C.9. Laporan Teknik/Laporan Akhir Penyelidikan/Laporan Akhir Perundingan

Nyatakan nama penulis, judul, tahun penyerahannya dan nama pihak yang diserahkan laporan tersebut.

C.10. Manuskrip

Manuskrip di sini bermaksud hasil penulisan dalam bentuk Kertas Kerja Seminar dan sebagainya, makalah, buku dan sebagainya yang belum diterbitkan tetapi telah siap ditulis termasuk "dalam penerbitan", dalam percetakan", diserahkan kepada.....".

Contohnya:

Ahmad bin Abdullah, 1990: Tanah terbiar di Kelantan, Kertas Kerja Seminar Ekonomi Kelantan, anjuran PMUKM. 28-30 Disember, 1990, Kota Baharu, 10.m.s.

Ahmad bin Abdullah dan Yatim bin Piatu. 1991: Pengenalan Ekonomi Malaysia, Manuskrip buku. 240 m.s.

Ahmad bin Abdullah dan Yatim bin Piatu, 1991: Pengenalan Ekonomi Malaysia. Manuskrip buku, 240 m.s.

C.11. Tulisan Dalam Media Massa/Majalah Popular

D. Penyertaan Seminar dan Sebagainya

Nyatakan tajuk seminar dan sebagainya, tempat dan tarikh, serta status penyertaannya seperti pembentang kertas, pengurus sidang, penceramah, pembahas, ahli panel, peserta biasa dan lain-lain lagi.

Sila susun senarai ikut tertib tahun.

E. Kursus-Kursus Yang Pernah Diikuti

Nama kursus, tempat, tarikh dan penaja.

F. Rekaan/Ciptaan

Nyatakan tarikh pengersahan Jabatan/Fakulti, tarikh paten dan nombor pendaftaran (jika ada).

G. Penyertaan Persatuan, Lembaga, Jawatankuasa, dan Sebagainya.

Nyatakan nama, tempoh (masa) penyertaan/keanggotaan dan status penyertaannya/keanggotaannya.

H. Perkara-Perkara Lain Yang Tidak Tercakupi Dalam A-G di Atas.

LAMPIRAN I

GARIS PANDUAN UNTUK JAWATANKUASA KUMPULAN KESEPAKARAN FAKULTI/PUSAT/INSTITUT BAGI PENILAIAN KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR MADYA /PROF. MADYA (KLINIKAL)

1. Jawatankuasa Kumpulan Kesepakaran (JASPA) Fakulti/Pusat/Institut mestilah ditubuhkan oleh setiap Fakulti/Pusat/Institut apabila ada calon yang hendak dipertimbangkan ke Jawatan Profesor Madya/Prof. Madya Klinikal.
2. Jawatankuasa ini (JASPA) hendaklah terdiri daripada:
 - 2.1 Dekan atau Pengarah/Timbalan Dekan atau Timbalan Pengarah/Ketua Jabatan yang jawatan hakikinya sekurang-kurangnya sama dengan jawatan yang dipohon oleh calon (Prof. Madya).
 - 2.2 Dekan atau Pengarah hendaklah mempengaruhi mesyuarat JASPA yang jawatan hakikinya sama dengan jawatan yang dipohon. Sekiranya Dekan/Pengarah tidak sama dengan jawatan hakiki Jawatan yang dipohon, JASPA hendaklah melantik seorang Pengerusi yang sama dengan jawatan yang dipohon.
 - 2.3 Timbalan Dekan atau Timbalan Pengarah yang sekurang-kurangnya sama jawatan hakikinya dengan jawatan yang dipohon oleh calon (Prof. Madya).
 - 2.4 Ketua Jabatan yang sekurang-kurangnya sama jawatan hakikinya dengan jawatan yang dipohon oleh calon (Prof. Madya).
 - 2.5 Seorang Profesor atau Prof. Madya yang hampir dengan bidang calon berkenaan dari dalam/atau luar UKM.
3. Seseorang ahli yang dilantik menganggotai Jawatankuasa ini dari luar UKM akan dibayar honorarium sebagai seorang pentaksir atas kadar yang ditetapkan.
4. Jawatankuasa ini perlu menilai kesesuaian calon bagi perkara-perkara yang disenaraikan dalam "Borang Penilaian Prestasi untuk Ke Jawatan Profesor Madya yang telah dipenuhi oleh calon berkenaan.
5. Untuk dipertimbangkan calon-calon mestilah sekurang-kurangnya telah memenuhi keperluan-keperluan berikut:
 - 5.1 berpengalaman memberi kuliah dua kursus berlainan (dua kod kursus berbeza) di peringkat prasiswazah sebanyak lima semester bagi setiap kursus tersebut.
 - 5.2 menerbitkan sebuah buku teks (asli/terjemahan/saduran) dalam bahasa Melayu (kecuali bagi kursus bukan dalam bahasa Melayu).
 - 5.3 menyelia sebilangan pelajar kepujian dengan jayanya, mengikut norma purata Jabatan berkenaan bagi setiap sesi perkhidmatan calon.
 - 5.4 menjalankan dua projek penyelidikan/perundingan yang berdaftar dan tamat dengan jayanya.
 - 5.5 menghadiri lima persidangan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
 - 5.6 Membentang tiga kertas persidangan dan sebagainya, sekurang-kurangnya satu dalam bahasa Melayu dan satu dalam bahasa asing.
 - 5.7 Menerbitkan empat makalah dalam jurnal atau atau pascasidang, sekurang-kurangnya satu dalam bahasa Melayu dan satu dalam bahasa asing; atau ada satu rekaan teknologi/keluaran yang berpotensi untuk dikomersilkan.

- 5.8 Mengikuti satu kursus penataran.
- 5.9 Mempunyai kelulusan Profesional (untuk Fakulti yang tertentu).
- 5.10 Mempunyai Rekacipta atau Rekacipta yang dipatenkan (untuk Fakulti tertentu).
- 5.11 Memenangi anugerah Sains Negara/Anugerah Sains Muda Negara/Anugerah Antarabangsa/Anugerah di peringkat UKM.
- 5.12 Menganggotai dua persatuan termasuk persatuan ilmiah/ikhtisas.
- 5.13 Menerbitkan dua makalah/tulisan umum/popular/semi-akademik.
- 5.14 Dilantik menjalankan dua tugas pentadbiran di peringkat Universiti/Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Unit/Jawatankuasa dan sebagainya.
- 5.15 Panduan Julat dan Kriteria baru untuk kenaikan pangkat ke jawatan Prof. Madya adalah seperti pada Lampiran "A" dalam iklan Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Profesor Madya.
6. Markah penilaian prestasi untuk kenaikan pangkat untuk calon yang diperakukan hendaklah sekurang-kurangnya 80%.
7. Calon-calon yang diperakukan hendaklah telah menjalankan penyelidikan/perundingan yang berdaftar dengan jayanya dalam bidang tujahan masing-masing samada penyelidikan di peringkat Universiti, Fakulti atau pun IRPA dan sebagainya
8. Calon-calon yang diperakukan juga hendaklah telah menyelia pelajar-pelajar di peringkat lepasan ijazah samada diperingkat Sarjana atau pun Ph.D.
9. Jawatankuasa kesepakaran juga dikehendaki menamakan 3 (tiga) penilai luar untuk setiap calon yang diperakukan untuk dipanggil temuduga. Penilai-penilai luar yang dinamakan hendaklah dari bidang "**tujahan calon**" dengan sekurang-kurangnya seorang daripada luar negara. Dua orang penilai luar hendaklah memberikan perakuan mereka. Penilai luar yang dinamakan hendaklah daripada Universiti yang terkemuka sama ada dari dalam negara atau luar negara yang mempunyai status "**Universiti Penyelidikan**" **ATAU** daripada Profesor/ Individu yang terkenal samada di dalam atau di luar negara dalam bidangan tujahan calon. Bekas kakitangan UKM atau penyelia tesis calon tidak digalakkan untuk dilantik sebagai penilai luar.
10. Jawatankuasa kesepakaran hendaklah membuat **penilaian secara objektif** dan profesional terhadap prestasi dan kesarjanan Akademik calon yang diperakukan **dan bukan atas dasar pilih kasih atau sukar membuat keputusan atau hanya menyerahkan keputusan tersebut kepada lembaga temuduga**.
11. Kriteria penilaian dan pemarkahan adalah seperti pada **Lampiran II(A)**. Walau bagaimanapun setiap Fakulti boleh memperincikan kriteria ini di mana yang sesuai tertakluk kepada persetujuan JASPA semasa bersidang.

LAMPIRAN II(A)

TABURAN MARKAH DAN KAEDEH PENILAIAN KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR MADYA /PROF. MADYA (KLINIKAL)

A. TABURAN MARKAH

<u>PROF. MADYA</u>	<u>PEMBERAT</u>
Pengajaran dan Penyeliaan	15 + 15
Penerbitan	25
Persidangan	10
Penyelidikan/Rekacipta	15
Khidmat Masyarakat/Rundingan	10
Kepimpinan/Pentadbiran	5
Sahsiah	5
JUMLAH	100
	====

<u>PROF. MADYA (KLINIKAL)</u>	<u>PEMBERAT</u>
Pengajaran dan Penyeliaan <i>(termasuk pengajaran tepi katil)</i>	25%
Penerbitan dan Penulisan	10%
Rawatan Pesakit	40%
Perundingan	10%
Penyertaan Seminar/Persidangan	5%
Penyelidikan	5%
Sahsiah	5%
JUMLAH	100%
	=====

B. KAEDEH PENILAIAN

- Untuk kenaikan pangkat ke Jawatan Profesor Madya hanya sumbangan aktiviti selepas perlantikan Pensyarah atau yang setarafnya sahaja yang diambil kira.
- Setiap aktiviti/sumbangan calon disetarakan untuk perbandingan dengan sesuatu nilai yang dianggap cemerlang.
- Setelah dijumlah markah semua kategori, mesyuarat kesepakaran dikehendaki menimbangkan setiap calon mengikut kekuatan dan kelemahan mereka.
- untuk **Prof. Madya (Klinikal)** kriteria dan pemberat hendaklah diselaraskan dengan kriteria dan pemberat yang ditetapkan di atas.

C. PENGAJARAN (15%)

Jumlah unit pengajaran untuk 10 semester terkini diambil kira untuk menentukan beban calon mengikut unit/semester.

Pengajaran/tutorial: (jumlah jam)/(bil. Semester x 14)

Makmal/Bengkel/Klinik: (jumlah jam)/(bil. Semester x 3 x 14)

Bilangan 4 unit per semester dianggap cemerlang dan diberi markah 15

Faktor lain yang boleh membezakan calon ialah:

- Ada menulis buku/nota dalam laman web untuk pengajaran
- Patuh kepada sistem dan prosidur peperiksaan
- Memenang anugerah pengajar cemerlang
- Mendapat pujian daripada pensyarah dan pelajar

D. PENYELIAAN (15%)

Jumlah pelajar prasiswazah dan pascasiswazah yang diselia (penyelidikan untuk 10 semester terakhir yang disetarakan kepada satu tahun. Bilangan 5 dianggap cemerlang dan diberi markah 15.

E. PENERBITAN (25%)

Untuk setiap calon hendaklah diperincikan sumbangan penerbitannya dan diberi pemberat untuk setiap satunya mengikut kategori penerbitan. Bagi jawatan Profesor Madya semua penerbitan mulai tahun perlantikan sebagai Pensyarah atau setara dengannya yang dikira sehingga tahun permohonan, **hanya penerbitan yang telah terbit** dan mempunyai muka surat sahaja diperakukan. Bilangan penerbitan mengikut kategori dijadualkan (lihat lampiran). Jumlah skor disetarakan untuk mendapatkan skor per tahun, skor 8 dianggap cemerlang dan diberi markah penuh 25%.

F. PENYELIDIKAN DAN REKACIPTA 15% (untuk Fakulti yang berkaitan)

G. PERSIDANGAN (10%)

H. KHIDMAT MASYARAKAT (10%)

Penglibatan pertubuhan bidang kepakaran dan Khidmat Sosial dalam bidang kepakaran masing-masing.

I. PENTADBIRAN (5%)

Sumbangan calon kepada pentadbiran Fakulti dan UKM atau dalam pentadbiran di peringkat persatuan Profesional masing-masing.

J. SAHSIAH (5%)

Calon dinilai mengikut keperibadian dan komitmen dalam kerjaya di Fakulti dan UKM.

K. Semua pemarkahan hendaklah dicatatkan di Jadual B yang disediakan.

L. Jawatankuasa Kesepakaran dikehendaki membuat perakuan untuk setiap calon dan mencatatnya di dalam minit Jawatankuasa Kesepakaran termasuk kekuatan dan kelemahan setiap calon.

M. Pentadbiran hanya akan mengendalikan temuduga hanya untuk calon-calon yang diperakukan sahaja.

N. Calon yang tidak berjaya hendaklah diberitahu oleh Fakulti.

O. Peningkatan.